

## FWD MedSecure Direct

### Bahagian A -Soalan umum mengenai pelan ini dan bagaimana untuk menyertainya

1. Apakah FWD MedSecure Direct?  
FWD MedSecure Direct adalah pelan pendapatan hospital yang memberikan anda pendapatan harian sekiranya anda dimasukkan ke hospital.
2. Apakah pilihan yang disediakan di bawah pelan ini?
  - Pelan ini menyediakan pilihan berdasarkan keperluan anda:
  - Pelan individu (melindungi seorang dewasa); atau
  - Pelan pasangan berkahwin (melindungi dua orang dewasa); atau
  - Pelan keluarga (melindungi kedua-dua ibu bapa dan sehingga maksimum 2 anak); atau
  - Pelan ibu bapa tunggal (melindungi seorang dewasa dan sehingga maksimum 2 anak)

Sila rujuk jadual di bawah untuk pelan yang disediakan:

Manfaat /Pelan	Jadual Manfaat (RM)		
	Pelan 150	Pelan 250	Pelan 350
Elaun Tunai Harian Kemasukan Hospital  Had tahunan: 120 hari Had sepanjang hayat*: 750 hari	150	250	350
Elaun Tunai Harian Kemasukan Hospital (Unit Rawatan Rapi)  Had tahunan: 90 hari Had sepanjang hayat*: 750 hari	300	500	700
a. Manfaat pengecualian sumbangan untuk Pelan Pasangan Berkahwin, Keluarga dan Ibu Bapa Tunggal b. Diskaun tiada tuntutan- 20%			
Manfaat pilihan: Manfaat Bayaran Balik Rawatan Perubatan akibat Kemalangan (setiap tahun sijil)	Sehingga 2,000 / 4,000 / 6,000/ 8,000 /10,000 setiap tahun seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful anda		

Had sepanjang hayat sebanyak 750 hari adalah untuk jumlah kedua-dua kemasukan wad biasa dan Unit Rawatan Rapi (ICU).

3. Apakah manfaat yang disediakan di bawah pelan ini?  
Pelan ini menyediakan Elaun Tunai Harian Kemasukan Hospital sepanjang tempoh anda dimasukkan ke hospital. Manfaat Bayaran Balik Rawatan Perubatan akibat Kemalangan juga ditawarkan tetapi atas dasar pilihan (sila rujuk jadual manfaat di atas). Sebagai ganjaran kerana kekal sihat, kami akan memberi anda 20% diskaun sekiranya anda tidak pernah membuat tuntutan dalam tempoh 2 tahun sijil. Ini bermaksud, jumlah sumbangan anda akan dikurangkan sebanyak 20%.

4. Adakah produk ini patuh Shariah?  
Ya. Produk ini patuh Shariah. Prinsip-prinsip Shariah berikut diguna pakai:

- Tabarru' – Sumbangan untuk tujuan takaful di mana para peserta bersetuju untuk membantu satu sama lain dari segi kewangan.
- Wakalah – Kontrak di mana peserta melantik Pengendali Takaful untuk mengurus dana risiko peserta dan bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada pengendali Takaful untuk perkhidmatan yang diberikan seperti yang telah dipersetujui.
- Ju'alah – Ia adalah Kontrak Ganjaran kepada Pengendali Takaful di atas prestasi yang baik dalam menguruskan dana risiko peserta. Pengendali Takaful akan diberikan ganjaran iaitu 50% lebih daripada dana risiko peserta dan 50% seterusnya diagihkan kepada peserta yang layak.
- Qard – Pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Pengendali Takaful sekiranya dana risiko peserta mengalami defisit. Pinjaman tersebut perlu dibayar balik daripada lebih dana risiko peserta yang akan datang.

5. Apakah tempoh perlindungan untuk pelan ini?  
Anda boleh memilih tempoh perlindungan sama ada 5, 10, 15, 20, 25 atau 30 tahun perlindungan.
6. Siapakah yang layak dilindungi di bawah pelan ini?  
Orang yang layak dilindungi di bawah pelan ini adalah seperti berikut:

Orang dilindungi	Umur yang layak memohon untuk perlindungan
Pemilik sijil	Di antara 17-60 tahun (umur anda pada hari lahir seterusnya)
Pasangan	Di antara 17-60 tahun (umur anda pada hari lahir seterusnya)
Anak (Kami melindungi sehingga 2 orang)	Di antara 1 bulan sehingga 20 tahun (umur anda pada hari lahir seterusnya)

- Untuk orang dewasa, kami menyediakan perlindungan sehingga umur 70 tahun, dengan tempoh perlindungan minimum 5 tahun.
  - Anak anda akan dilindungi sehingga umur 25 tahun.
7. Bagaimanakah saya boleh memohon pelan ini?  
Anda boleh memohon pelan ini melalui laman web kami di <https://www.fwd.com.my/direct/medsecure-direct/>
8. Bolehkah saya menyertai lebih daripada satu pelan?  
Ya, boleh. Selagi anda tidak melebihi had maksimum elaun harian kemasukan ke hospital iaitu RM350 seorang.
9. Bilakah perlindungan saya bermula?  
Anda akan dilindungi dari tarikh permulaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful anda.
10. Bilakah saya akan menerima Sijil Takaful?  
Anda akan menerima pek sijil takaful dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran berjaya.
11. Berapakah sumbangan yang diperlukan untuk menyertai pelan ini?  
Jumlah sumbangan bergantung kepada tempoh perlindungan, jantina, pelan yang dipilih, umur orang yang dilindungi dan status merokok. Anda boleh mendapatkan sebut harga di laman web produk FWD MedSecure Direct.

## Soalan Lazim

12. Apakah yuran yang perlu saya bayar?  
Terdapat 25% yuran wakalah yang akan ditolak daripada sumbangan anda. Bakinya akan diperuntukkan untuk Dana Risiko Peserta sebagai tabarru' (sumbangan).
13. Bagaimana jika saya menukar fikiran setelah menyertai pelan ini?  
Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda, dan anda masih belum membuat sebarang tuntutan, anda mempunyai 15 hari bermula dari tarikh anda menerima sijil anda untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda.

### Bahagian B - Soalan mengenai manfaat di bawah pelan ini

1. Adakah pelan ini produk simpanan atau pelaburan?  
Tidak. FWD MedSecure Direct bukan produk simpanan atau pelaburan. Anda tidak akan menerima apa-apa wang daripada sijil ini selain daripada manfaat kemasukan ke hospital dan manfaat pilihan bayaran balik rawatan perubatan akibat kemalangan (Sila rujuk bahagian A, soalan nombor 2)
2. Dalam keadaan apakah perlindungan Takaful saya akan ditamatkan?  
Perlindungan Takaful akan ditamatkan serta merta sekiranya berlaku salah satu kejadian berikut, yang mana berlaku terlebih dahulu:
  - Tarikh tamat sijil dinyatakan di dalam Jadual Takaful anda.
  - Jika kami tidak menerima sumbangan anda sebelum tamat tempoh tangguh 60 hari.
  - Pada tarikh kami meluluskan permohonan anda untuk membatalkan sijil.
  - Pada tarikh dimana tiada orang yang layak dilindungi kerana semua telah mencapai umur luput perlindungan.
  - Pada tarikh di mana kami diperintah untuk membatalkan sijil anda oleh undang-undang atau peraturan.
  - Pada tarikh dimana jumlah hari anda dimasukkan ke hospital telah mencapai had maksimum 750 hari.

### Bahagian C - Bayaran sumbangan

1. Bagaimana saya boleh membayar sumbangan?  
Anda boleh membayar sumbangan menggunakan kad kredit atau debit anda.
2. Bolehkah saya menukar kekerapan sumbangan saya?  
Ya, boleh. Anda boleh menukar kekerapan sumbangan anda pada tarikh pembayaran berikutnya. Kekerapan pembayaran yang dibenarkan adalah secara bulanan dan tahunan sahaja.
3. Adakah akan berlaku kenaikan sumbangan semasa tempoh perlindungan?  
Pelan ini adalah pelan sumbangan meningkat yang bermaksud sumbangan anda akan meningkat seiring dengan usia anda. Terdapat juga kenaikan sumbangan untuk penambahan seorang anak baru dalam sijil tersebut.
4. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikenakan untuk pelan ini?  
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) tidak dikenakan ke atas pelan ini.
5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal untuk membuat bayaran sumbangan?  
Jadual Sijil Takaful akan dibatalkan sekiranya kami tidak menerima sebarang sumbangan dalam tempoh 60 hari dari tarikh akhir sumbangan anda.

## Bahagian D – Prosedur Tuntutan dan Pengecualian

1. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?  
Kami mempunyai laman khas untuk membuat tuntutan. [Klik di sini](#) dan kami akan membantu anda dalam setiap langkah.
2. Dokumen apakah yang diperlukan untuk membuat tuntutan?  
[Klik di sini](#) dan kami akan membantu anda mendapatkan dokumen yang diperlukan. FWD Takaful berhak untuk meminta bukti tambahan dan segala perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak menuntut.
3. Apakah pengecualian manfaat yang terpakai di bawah pelan ini?  
Sila ambil perhatian bahawa kami tidak akan membayar sebarang elaun kemasukan ke hospital berkenaan dengan apa-apa keadaan, sakit, penyakit atau kecederaan sekiranya terdapat sebarang manifestasi, diagnosis atau rawatan untuk keadaan, sakit, penyakit atau kecederaan sebelum tarikh permulaan atau tarikh penghidupan semula sijil. ([Klik di sini](#) untuk senarai penuh pengecualian terpakai untuk produk ini).
4. Adakah terdapat tempoh menunggu di bawah pelan ini?  
Tempoh menunggu untuk pelan ini adalah 120 hari atau 30 hari selepas tarikh permulaan atau tarikh penghidupan semula bergantung kepada penyakit. ([Klik di sini](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tempoh menunggu).
5. Apakah manfaat lain yang disediakan di bawah pelan ini?  
Sekiranya Pemilik Sijil meninggal dunia, akan ada pengecualian untuk sumbangan masa hadapan. Manfaat ini hanya ditawarkan bagi Pelan Pasangan Berkahwin, Pelan Ibu Bapa Tunggal dan Pelan Keluarga.
6. Berapa lamakah tuntutan akan diproses?  
Kami memerlukan sehingga 14 hari bekerja bermula dari tarikh dokumen lengkap/penuh diterima untuk memproses tuntutan.
7. Bagaimana saya boleh menyemak status tuntutan saya?  
Orang dilindungi atau pihak yang menuntut boleh menghubungi talian khidmat pelanggan kami di talian 1300 13 7988 atau 603 2771 7771 (Panggilan Antarabangsa) atau e-mel kepada [contact.my@fwd.com](mailto:contact.my@fwd.com)

Waktu pejabat kami adalah dari jam 9.00 pagi – 6.00 petang, pada hari Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum.

### Nota:

Prosedur tuntutan di atas adalah untuk rujukan sahaja. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk peruntukan tuntutan di dalam sijil yang berkaitan. FWD Takaful berhak untuk mengubah syarat ini atau mendapatkan maklumat tambahan untuk menyokong setiap tuntutan.

## Bahagian E - Pengendalian Sijil

1. Bolehkah saya menukar pelan setelah sijil dikeluarkan?  
Tidak.
2. Bolehkah saya menukar butiran kad kredit atau debit saya?  
Ya, boleh. Hanya muat turun dan lengkapkan Borang Permohonan untuk Pindaan yang boleh didapati di laman web kami dan e-mel kepada [contact.my@fwd.com](mailto:contact.my@fwd.com) atau mengemukakan permintaan anda dengan log masuk ke myPortal di [www.fwd.com.my/en/myportal/](http://www.fwd.com.my/en/myportal/)
3. Bolehkah saya mengubah alamat atau maklumat peribadi saya?

Ya, boleh. Hanya muat turun dan lengkapkan Borang Permohonan untuk Pindaan yang boleh didapati di laman web kami dan e-mel kepada [contact.my@fwd.com](mailto:contact.my@fwd.com) atau mengemukakan permintaan anda dengan log masuk ke myPortal di [www.fwd.com.my/en/myportal/](http://www.fwd.com.my/en/myportal/)

4. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?
  - Ya. Anda boleh membatalkan (menamatkan) Sijil Takaful pada bila-bila masa. Jika anda membatalkan sijil anda, perlindungan yang diberikan akan tamat dari tarikh pembatalan sijil.
  - Namun begitu, selepas pembatalan sijil, sebarang sumbangan yang tidak digunakan akan dikembalikan kepada Pemilik Sijil. Jika jumlah yang perlu dipulangkan kepada anda adalah kurang atau berjumlah RM10 dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank anda, kami akan mendermakan jumlah tersebut kepada badan kebajikan yang kami pilih. Jika jumlahnya lebih daripada RM10, dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank anda, kami akan menyerahkan jumlah tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
5. Bolehkah saya menghidupkan semula Jadual Sijil Takaful saya setelah ia tamat?

Ya, anda dibenarkan untuk menghidupkan semula dalam tempoh 2 tahun selepas sijil tamat. Anda perlu menyerahkan permohonan pengaktifan semula dengan melengkapkan borang penghidupan semula dan membayar sumbangan pro rata dan sumbangan peruntukan sehingga tarikh akhir sumbangan seterusnya serta perbelanjaan perubatan (jika ada).

Walaupun bagaimanapun, penerimaan untuk penghidupan semula bergantung kepada tahap kesihatan anda sewaktu permohonan dilakukan.

### Bahagian F – Maklumat lain

1. Apakah dokumen yang akan saya terima setelah menyertai FWD MedSecure Direct?

Anda akan menerima pek Sijil Takaful merangkumi yang berikut:

  - Surat pengenalan
  - Jadual Sijil Takaful
  - Sijil Takaful – dengan terma dan syarat berkenaan kontrak untuk perlindungan Takaful
  - Ilustrasi manfaat
  - Risalah pemberitahuan produk

Kami akan menghantar pek Sijil Takaful kepada anda melalui e-mel dalam masa 24 jam setelah pembayaran berjaya. Sila hubungi kami sekiranya anda menghadapi sebarang masalah untuk mengakses sijil anda.

Nota: Tempoh perlindungan bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful anda.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Perkhidmatan Pelanggan  
FWD Takaful Berhad  
Level 29, Menara Shell  
211 Jalan Tun Sambanthan  
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Talian Utama: 1300 13 7988 (Isnin – Jumaat, 9.00am – 6.00pm, tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum)

Talian Antarabangsa: 603 2771 7771

Faks : 603 2710 7800  
Emel : [contact.my@fwd.com](mailto:contact.my@fwd.com)  
Laman web : [www.fwd.com.my](http://www.fwd.com.my)  
myPortal : [www.fwd.com.my/en/myportal/](http://www.fwd.com.my/en/myportal/)

# Soalan Lazim